



## ANALISIS

### Amirudin, Ramanan layak isi kekosongan jawatan menteri



Suzalina Halid

'MEMBAWA' masuk dua pemimpin PKR, iaitu Datuk Seri Amirudin Shari dan Datuk Seri R Ramanan sebagai menteri Kabinet perlu dipertimbangkan jika sumbangan mereka dilihat signifikan untuk mengukuhkan pentadbiran kerajaan.

Selepas peletakan jawatan dua menteri mewakili PKR, akhir bulan lalu, wujudnya pandangan bahawa Ramanan yang juga Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta Menteri Besar Selangor itu layak diangkat sebagai menteri untuk menyumbang dalam pentadbiran di peringkat Persekutuan.



R Ramanan (kiri) dan Amiruddin Shaari. - Foto fail NSTP

Apatah lagi, kedua-dua pemimpin itu kini berada dalam barisan kepimpinan ketiga tertinggi PKR sebagai Naib Presiden, iaitu satu hierarki yang melayakkan Amirudin dan Ramanan yang berjaya meletakkan dirinya dalam kedudukan terbabit, bulan lalu menjadi menteri. Malah dalam kerajaan Perpaduan, tiada lagi menteri Kabinet mewakili kaum India.

Siapakah yang akan bertanggungjawab untuk menjaga hal ehwal komuniti India?

Masyarakat India masih terguris PKR yang mereka sokong untuk menjadi kerajaan tidak melantik mana-mana pemimpin India sebagai menteri Kabinet penuh.

Ramanan yang juga jurutera bertaualiah dilihat memainkan peranan penting dalam tempoh dua tahun ini. Ramanan ketika menjadi Pengerusi Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) mempamerkan rekod yang cukup cemerlang, disamping dapat membersihkan imej agensi terbabit.

Sejak dilantik sebagai Timbalan Menteri pada Disember 2023, Ramanan di lihat antara Timbalan Menteri yang rajin bekerja dan mengusahakan pelbagai inisiatif untuk menjaga hal ehwal komuniti India daripada skop kementeriaannya dengan pelbagai program, termasuk peruntukan RM100 juta untuk usahawan India melalui TEKUN, RM100 juta untuk program pemerkasaan wanita India

melalui Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Brief-i- melalui Bank Rakyat, RM50 juta untuk program Vanigham di bawah SME Bank, RM6 juta I-BAP- geran melalui SME Corp.

Beliau cukup komited dengan pegangannya mahu memajukan ekonomi usahawan komuniti India. Boleh dikatakan beliau yang lantang menjaga komuniti India ketika ini.

Beliau juga dipertanggungjawabkan menjaga hal ehwal komuniti India oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam mengusahakan inisiatif baharu dan menjawab segala persoalan yang dibangkitkan di Parlimen mengenai MITRA dan segala isu berkaitan komuniti India bagi pihak Perdana Menteri di Parlimen.

Sudah tiba masanya PKR menjaga hati komuniti India. Kemenangan Ramanan sebagai Naib Presiden di kedudukan kedua juga jelas menunjukkan PKR perlu mengangkat pemimpin seperti Ramanan di Kabinet sebagai menteri penuh atas untuk persiapan Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16).

Mengenai Amirudin, sebagai Menteri Besar Selangor sejak 2018, beliau menunjukkan kepimpinan yang stabil dan berjaya mengekalkan negeri itu sebagai enjin ekonomi negara.

Perpindahannya ke arena Persekutuan mungkin akan mengosongkan jawatan Menteri Besar, iaitu jawatan penting yang memerlukan pemimpin berpengalaman. Malah di bawah pentadbiran Amirudin, Selangor, pada 31 Disember 2024, mencatat sejarah baharu apabila berjaya meraih kutipan hasil sebanyak RM2.858 bilion, melebihi sasaran asal sebanyak RM2.2 bilion.

### **Kukuhkan perwakilan India**

Menyuarakan pandangan sama, penganalisis politik dari Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Madya Dr Syahrudin Awang Ahmad, menyifatkan jika terdapat keperluan untuk kukuhkan perwakilan India dalam Kabinet, maka pelantikan Ramanan boleh dipertimbangkan.



Prof Madya Dr Syahrudin Awang Ahmad.

Mengulas lanjut, katanya, bagi Amirudin pula jika beliau ingin dibawa ke dalam pasukan pentadbiran peringkat Persekutuan, ia memerlukan pertimbangan strategik PKR dan Kerajaan Perpaduan sendiri.

"Faktor lain yang boleh dipertimbangkan bagi Ramanan ialah jika beliau menunjukkan prestasi cemerlang dan sokongan politik yang diperoleh beliau.

"Sebagai Timbalan Menteri, Ramanan mungkin memerlukan tempoh masa yang lebih panjang untuk membuktikan kemampuannya dalam menguruskan portfolio penting.

"Namun, dalam konteks Kerajaan Perpaduan yang dibentuk dalam tempoh kira-kira lebih dua tahun lalu, keseimbangan etnik dan kepuasan semua parti komponen adalah penting," katanya kepada BH, di sini.



Rafizi Ramli (kiri) dan Nik Nazmi Nik Ahmad. - Foto fail NSTP

Sebelum ini, dua menteri mewakili PKR, iaitu Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli serta juga Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) Nik Nazmi Nik Ahmad, mengumumkan peletakan jawatan mereka susulan kekalahan dalam pemilihan parti, akhir bulan lalu. Perdana Menteri bagaimanapun menyifatkan tiada keperluan mendesak untuk melakukan rombakan Kabinet buat masa ini.

Namun ada pandangan yang menyifatkan wujudnya keperluan untuk merombak Kabinet, apatah lagi dengan tindakan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz keluar dari UMNO untuk menyertai PKR.

Mengulas mengenai Amirudin, Syahrudin berkata, jika peranan Ahli Parlimen Gombak di peringkat Persekutuan dilihat lebih kritikal untuk mengukuhkan PKR atau kerajaan, ia boleh dipertimbangkan.

"Keputusan ini juga akan bergantung kepada siapa pengganti beliau di Selangor. Jika pengganti yang lebih baik atau sama berkemampuan dapat dikenal pasti, ini mungkin memudahkan peralihan Amirudin ke peringkat Persekutuan," katanya.

Sementara itu, Felo Penyelidik Unit Literasi dan Advokasi Politik, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Madya Dr Mohd Yusri Ibrahim, pula berkata Ramanan yang kini berstatus Naib Presiden PKR wajar dinaikkan sebagai menteri penuh, dengan mengambil ketetapan hierarki dalam parti.



Prof Madya Dr Mohd Yusri Ibrahim.

Beliau berkata, jika itu berlaku, tempat Ramanan sebagai Timbalan Menteri juga perlu diganti calon daripada PKR, sekali gus menunjukkan akan adanya sedikit pergerakan dan rombakan untuk kesesuaian jawatan.

"Mengenai kedudukan Amirudin, pada pandangan saya, perkara ini bergantung sepenuhnya kepada keputusan PKR dan persetujuan parti komponen kerajaan di Selangor.

"Dengan kedudukan beliau sebagai Naib Presiden, Amirudin sesuai untuk kedua-dua pos, sama ada sebagai Menteri Besar atau menteri Persekutuan," katanya.

Beliau berkata, jika peletakan jawatan Rafizi dan Nik Nazmi betul-betul dimuktamadkan nanti, pilihan yang ada adalah membuat rombakan Kabinet kerana dua pos terbabit adalah kuota PKR.

"Sudah tentu Perdana Menteri akan letak seseorang calon menteri mengikut potensi dan kepakaran mereka. Jika calon daripada PKR nanti lebih sesuai untuk kementerian lain, mungkin akan ada tukar ganti kedudukan menteri mengikut kementerian, maksudnya perlu ada sedikit rombakan Kabinet," katanya.

## Berita Berkaitan



(/berita/nasional/2025/05/1402130/amiruddin-ramanan-layak-isi-kekosongan-ditinggalkan-rafizi-nik-nazmi)

**Amiruddin, Ramanan layak isi kekosongan ditinggalkan Rafizi, Nik Nazmi - Penganalisis** (/berita/nasional/2025/05/1402130/amiruddin-ramanan-layak-isi-kekosongan-ditinggalkan-rafizi-nik-nazmi)



(/berita/nasional/2025/06/1404011/beri-pm-ruang-buat-keputusan)

**'Beri PM ruang buat keputusan'** (/berita/nasional/2025/06/1404011/beri-pm-ruang-buat-keputusan)



(/berita/nasional/2025/03/1376381/pkr-perlu-terus-pupuk-pemimpin-muda-nik-nazmi)

**PKR perlu terus pupuk pemimpin muda - Nik Nazmi**  
(/berita/nasional/2025/03/1376381/pkr-perlu-terus-pupuk-pemimpin-muda-nik-nazmi)



(/berita/nasional/2025/06/1403304/tiada-rombakan-kabinet-kekosongan-akan-dipangku-menteri-lain-anwar)

**Tiada rombakan Kabinet, kekosongan akan dipangku menteri lain - Anwar**  
(/berita/nasional/2025/06/1403304/tiada-rombakan-kabinet-kekosongan-akan-dipangku-menteri-lain-anwar)



(/berita/nasional/2025/05/1401965/saya-belum-fikir-rombakan-kabinet-sebab-rafizi-nik-nazmi-sedang)

**"Saya belum fikir rombakan Kabinet sebab Rafizi, Nik Nazmi sedang bercuti"**  
- PM (/berita/nasional/2025/05/1401965/saya-belum-fikir-rombakan-kabinet-sebab-rafizi-nik-nazmi-sedang)



(/berita/nasional/2025/03/1377571/rombakan-kabinet-menyusul-selepas-pemilihan-pkr)

**Rombakan Kabinet menyusul selepas pemilihan PKR?**  
(/berita/nasional/2025/03/1377571/rombakan-kabinet-menyusul-selepas-pemilihan-pkr)

(/berita/nasional/2025/05/1401830/peletakan-jawatan-menteri-waktu-terbaik-laksana-rombakan-kabinet)



(/berita/nasional/2025/06/1403206/rafizi-nik-nazmi-dan-tengku-zafrul-apa-pula-selepas-ini)

**Rafizi, Nik Nazmi dan Tengku Zafrul - apa pula selepas ini?**  
(/berita/nasional/2025/06/1403206/rafizi-nik-nazmi-dan-tengku-zafrul-apa-pula-selepas-ini)

Peletakan jawatan menteri: Waktu terbaik laksana rombakan Kabinet -  
Penganalisis (/berita/nasional/2025/05/1401830/peletakan-jawatan-menteri-  
waktu-terbaik-laksana-rombakan-kabinet)

Disyorkan untuk anda

#### Aktifkan saraf kaki anda 15 minit sebelum tidur! Kenapa?

EMS Foot Massager

([https://www.trkflow.com/go/49343bed-4313-4571-8bf0-6fa371d47868?cpc={{cpc}}&ob\\_click\\_id=](https://www.trkflow.com/go/49343bed-4313-4571-8bf0-6fa371d47868?cpc={{cpc}}&ob_click_id={{ob_click_id}}&ad_id=0071838f260370d44b67581490ceaea701&ad_title=Aktifkan+saraf+kaki+anda+15+minit+sebelum+tidur%21+Kenapa%3F&campaign_id=0072a21b4{{publisher_name}}&publisher_id={{publisher_id}}&section_id={{section_id}}&section_name={{section_name}}&promoted_link_id=0071838f260370d44b67581490ceaea701&req_id=909e5c2559f7fc8f492c8e468c4f6098&time_stamp=20250604211713&obOrigUrl=tr)

[{{ob\\_click\\_id}}&ad\\_id=0071838f260370d44b67581490ceaea701&ad\\_title=Aktifkan+saraf+kaki+anda+15+minit+sebelum+tidur%21+Kenapa%3F&campaign\\_id=0072a21b4](https://www.trkflow.com/go/49343bed-4313-4571-8bf0-6fa371d47868?cpc={{cpc}}&ob_click_id={{ob_click_id}}&ad_id=0071838f260370d44b67581490ceaea701&ad_title=Aktifkan+saraf+kaki+anda+15+minit+sebelum+tidur%21+Kenapa%3F&campaign_id=0072a21b4{{publisher_name}}&publisher_id={{publisher_id}}&section_id={{section_id}}&section_name={{section_name}}&promoted_link_id=0071838f260370d44b67581490ceaea701&req_id=909e5c2559f7fc8f492c8e468c4f6098&time_stamp=20250604211713&obOrigUrl=tr)

[{{publisher\\_name}}&publisher\\_id={{publisher\\_id}}&section\\_id={{section\\_id}}&section\\_name=](https://www.trkflow.com/go/49343bed-4313-4571-8bf0-6fa371d47868?cpc={{cpc}}&ob_click_id={{ob_click_id}}&ad_id=0071838f260370d44b67581490ceaea701&ad_title=Aktifkan+saraf+kaki+anda+15+minit+sebelum+tidur%21+Kenapa%3F&campaign_id=0072a21b4{{publisher_name}}&publisher_id={{publisher_id}}&section_id={{section_id}}&section_name={{section_name}}&promoted_link_id=0071838f260370d44b67581490ceaea701&req_id=909e5c2559f7fc8f492c8e468c4f6098&time_stamp=20250604211713&obOrigUrl=tr)

[{{section\\_name}}&promoted\\_link\\_id=0071838f260370d44b67581490ceaea701&req\\_id=909e5c2559f7fc8f492c8e468c4f6098&time\\_stamp=20250604211713&obOrigUrl=tr](https://www.trkflow.com/go/49343bed-4313-4571-8bf0-6fa371d47868?cpc={{cpc}}&ob_click_id={{ob_click_id}}&ad_id=0071838f260370d44b67581490ceaea701&ad_title=Aktifkan+saraf+kaki+anda+15+minit+sebelum+tidur%21+Kenapa%3F&campaign_id=0072a21b4{{publisher_name}}&publisher_id={{publisher_id}}&section_id={{section_id}}&section_name={{section_name}}&promoted_link_id=0071838f260370d44b67581490ceaea701&req_id=909e5c2559f7fc8f492c8e468c4f6098&time_stamp=20250604211713&obOrigUrl=tr)



**Get Ready For More Personalised Recommendations Here**

DiscoveryFeed

([http://discoveryfeed.org/?utm\\_term=Get+Ready+For+More+Personalised+Recommendations+Here&utm\\_campaign=00322861cdcfa3474a2f4e167130534a63&utm\\_source=](http://discoveryfeed.org/?utm_term=Get+Ready+For+More+Personalised+Recommendations+Here&utm_campaign=00322861cdcfa3474a2f4e167130534a63&utm_source=)

## Disyorkan

## Popular



**Mahkamah tolak permohonan Anwar rujuk persoalan sama ada PM kebal daripada saman**

(/berita/nasional/2025/06/1404500/mahkamah-tolak-permohonan-anwar-rujuk-persoalan-sama-ada-pm-kebal)



**Artis terkenal ditahan kes amang seksual remaja**

(/berita/kes/2025/06/1404553/artis-terkenal-ditahan-kes-amang-seksual-remaja)



'Saya akan teruskan tanggungjawab sebagai Perdana Menteri tanpa gangguan, kompromi' - Anwar

(/berita/nasional/2025/06/1404615/saya-akan-teruskan-tanggungjawab-sebagai-perdana-menteri-tanpa)



Bekas staf TV berbayar pengsan hadapi 743 pertuduhan ubah data akaun pelanggan

(/berita/kes/2025/06/1404637/bekas-staf-tv-berbayar-pengsan-hadapi-743-pertuduhan-ubah-data-akaun)



Langkah Aaron-Wooi Yik terhenti di Terbuka Indonesia

(/sukan/raket/2025/06/1404655/langkah-aaron-wooi-yik-terhenti-di-terbuka-indonesia)

BERITA (/BERITA)

> BHPLUS (/bhplus)

> Nasional (/berita/nasional)

> Kes (/berita/kes)

> Politik (/berita/politik)

> Pendidikan (/berita/pendidikan)

> Wilayah (/berita/wilayah)

MULTIMEDIA

FOTO GALERI (/FOTO)

INFO GRAFIK (HTTPS://WWW.BHARIAN.COM.MY/INFOGRAFIK)

BHTV (/BHTV)

BH KAPSUL (HTTPS://WWW.BHARIAN.COM.MY/BHTV/KAPSUL)

LANGGAN

AKHBAR DIGITAL (HTTP://DIGITAL.NSTP.COM.MY/BH/)

AKHBAR BH

(HTTP://DIGITAL.NSTP.COM.MY/NST/INCLUDES/SHOP/LIST\_PRODUCTS.JSP?TESTATA=BERBERITA&ID=BERBERITA)

SUKAN (/SUKAN)

DUNIA (/DUNIA)

HIBURAN (/HIBURAN)

BISNES (/BISNES)

RENCANA (/RENCANA)

WANITA (/WANITA)

HUJUNG MINGGU (/HUJUNG-MINGGU)

PERKHIDMATAN

IKLAN WEB (/IKLANWEB)

1KLASSIFIEDS (HTTP://WWW.1K.COM.MY)

NSTP KLIK (HTTPS://WWW.KLIK.COM.MY/)

REDAKSI (/REDAKSI)

DISCLAIMER (/DISCLAIMER)

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (/DATA-PERIBADI)